

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS SUMBANGAN IBU TUNGGAL DAN
ASNAF 'PROGRAM SENTUHAN KASIH DI
AMBANG RAMADAN'**

17 FEBRUARI 2026 (SELASA)

10.00 PAGI

**GALERI TANJONG KARANG UTARA,
JALAN SUNGAI KAJANG**

TANJONG KARANG

SELANGOR

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh Salam Malaysia Madani
dan Salam Koperasi.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama hadir dalam *Majlis Sumbangan Ibu Tunggal dan Asnaf – Program Sentuhan Kasih di Ambang Ramadan* pada hari ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat Baginda.
2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini khususnya Tuan Haji Azimi Bin Samsudin, Pengerusi Koperasi Usahawan Belia Kuala Selangor Berhad serta semua yang hadir bagi menyokong usaha murni gerakan koperasi dalam membantu golongan yang memerlukan.

Hadirin yang dikasihi

3. Program Sentuhan Kasih yang dianjurkan pada hari ini ini merupakan manifestasi keprihatinan koperasi dan ANGKASA dalam menyantuni golongan ibu tunggal dan asnaf. Kita memahami cabaran kos sara hidup yang semakin meningkat dan tanggungjawab koperasi adalah untuk sentiasa bersama masyarakat dalam saat susah dan senang.
4. Pada hari ini, ANGKASA melalui inisiatif Projek BA100 menyampaikan 50 unit set barangan asas, di mana setiap unit merupakan barangan keperluan harian bernilai RM50. Sebahagian daripada barangan tersebut adalah produk keluaran koperasi sekali gus menyokong ekonomi anggota koperasi.
5. Pendekatan ini bukan sekadar bantuan kebajikan semata-mata, tetapi satu strategi yang menghubungkan kebajikan

masyarakat dengan pembangunan ekonomi koperasi. Apabila produk koperasi digunakan dalam program bantuan, manfaatnya akan kembali kepada komuniti melalui peningkatan pendapatan anggotadan pengukuhan ekosistem koperasi.

Hadirin yang dikasihi

6. Sehingga jun 2025, mengikut data yang dikeluarkan suruhanjaya koperasi malaysia, terdapat 23 buah koperasi ibu tunggal di seluruh negara, dengan keanggotaan seramai 1,232 individu, syer/yuran sebanyak RM0.13 juta, aset sebanyak rm 0.43 juta dan perolehan sebanyak RM0.63 juta.

7. Jika diikutkan data pada 2022 hampir satu (1) juta Ibu tunggal yang ada di negara ini. Ini bermakna kurang dari satu peratus golongan ibu tunggal menjadi anggota koperasi

ibu tunggal. Justeru saya amat menggalakkan golongan ini untuk tubuh koperasi sendiri atau sekurang-kurangnya menyertai koperasi sedia ada.

8. Ini kerana koperasi mempunyai peranan besar dalam membantu golongan sasaran secara berterusan. Selain sumbangan barangan asas, koperasi boleh menyediakan peluang pekerjaan, latihan kemahiran, pembiayaan mikro serta platform perniagaan yang memberi ruang kepada golongan ibu tunggal dan asnaf untuk meningkatkan taraf hidup.
9. Koperasi juga boleh menjadi saluran pemasaran kepada produk komuniti seperti makanan, jahitan, kraftangan dan perkhidmatan harian yang diusahakan oleh golongan sasaran. Dengan sokongan rangkaian koperasi yang luas, produk mereka

berpotensi berkembang dan menjana ekonomi setempat.

Hadirin yang dikasihi

10. Semoga sumbangan set barangan asas BA100 ANGKASA ini dapat membantu para penerima membuat persiapan menyambut ketibaan bulan Ramadan yang mulia. Diharapkan barangan yang disumbangkan sedikit sebanyak dapat meringankan perbelanjaan harian dan memberi ruang kepada mereka menjalani ibadah puasa dengan lebih tenang dan penuh keberkatan.
11. Program seperti ini membuktikan bahawa koperasi bukan sahaja berorientasikan keuntungan, tetapi turut menggalas tanggungjawab sosial dalam menjaga kebajikan masyarakat. Inilah kekuatan sebenar gerakan koperasi yang sentiasa

mengutamakan kesejahteraan rakyat.

12. ANGKASA akan terus memperkuat usaha membantu golongan sasaran melalui pelbagai inisiatif pembangunan komuniti dan perkembangan kekuatan ekonomi koperasi. Marilah kita bersama-sama memperkuat peranan koperasi sebagai wadah ekonomi rakyat yang inklusif, prihatin dan mampan.

13. Selamat menyambut Ramadan Al Mubarak dan Selamat Berpuasa kepada semua.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.